

HUKUM MENGGUNAKAN HPV SWAB TEST DAN RAWATAN KOLPOSKOPI SEMASA BERPUASA

Human Papillomavirus (HPV) Swab Test ialah kaedah ujian yang menggunakan alat swab dimasukkan ke dalam faraj bagi mengambil sampel sel serviks untuk tujuan saringan kanser serviks. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, kaedah ini merupakan antara saringan awal bagi mengesan jangkitan *Human papillomavirus (HPV)* yang berisiko tinggi menyebabkan kanser serviks.

Dalam fiqh Mazhab Syafi'i, *al-jauf* ditakrifkan sebagai rongga terbuka seperti mulut, hidung, telinga, qubul dan dubur (kemaluan bahagian belakang). Syeikh Nawawi al-Bantani berkata:

وَالْمَرَادُ بِمُطْلَقِ الْجَوْفِ كُلِّ مَا يُسَمَّى جَوْفًا وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ قُوَّةُ إِحَالَةِ الْغِذَاءِ وَالِدَوَاءِ

Maksudnya: “Yang dimaksudkan dengan rongga (*jauf*) ialah semua perkara yang dinamakan sebagai rongga yang padanya memiliki kemampuan untuk memproses makanan dan perubatan.” (Nihayah al-Zain)

Menurut Imam al-Nawawi dalam *Raudhah al-Talibin*, antara perkara yang membatalkan puasa ialah memasukkan sesuatu benda ('ain) ke dalam rongga yang terbuka dengan sengaja dan dalam keadaan mengetahui bahawa ketika itu bulan Ramadhan. Beliau menegaskan:

لَوْ أَدْخَلَ الرَّجُلُ أُصْبُعَهُ أَوْ غَيْرَهَا دُبُرَهُ أَوْ أَدْخَلَتْ الْمَرْأَةُ أُصْبُعَهَا أَوْ غَيْرَهَا دُبُرَهَا
أَوْ قُبْلَهَا وَبَقِيَ الْبَعْضُ خَارِجًا بَطَلَ الصَّوْمُ بِاتِّفَاقِ أَصْحَابِنَا

Maksudnya: “Jika seorang lelaki memasukkan jari atau selainnya ke dalam duburnya, atau seorang wanita memasukkan jari atau selainnya ke dalam dubur atau faraj manakala sebahagiannya masih di luar, maka batal puasanya menurut kesepakatan ulama mazhab Syafi'i.” (Raudhah al-Talibin)

Sehubungan itu, dalam konteks perubatan moden, ujian HPV *Swab Test* melibatkan kemasukan alat swab ke dalam faraj bagi mengambil sampel serviks, manakala prosedur kolposkopi melibatkan penggunaan spekulum untuk membuka faraj agar serviks dapat diperiksa dengan jelas. Kedua-duanya termasuk dalam kategori *idkhal*

al-'ain ila al-jauf (memasukkan sesuatu ke dalam rongga terbuka) yang dihuraikan dalam mazhab Syafi'i. (Raudhah al-Talibin)

Dalam buku Panduan Berpuasa Bagi Pesakit yang disahkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan turut menyatakan bahawa antara perkara yang membatalkan puasa ialah:

“Memasukkan sebarang tiub kecil (*pessary*) atau ubat ke dalam faraj (*vaginal suppository*) termasuk prosedur cucian (*wash*), pemeriksaan dalaman vagina (*vaginoscope*), atau pegawai perubatan memasukkan jari untuk melakukan pemeriksaan dalaman vagina wanita.”

Kesimpulannya, wanita yang melakukan ujian HPV *Swab Test* dan rawatan kolposkopi yang melibatkan penggunaan spekulum di siang Ramadhan adalah membatalkan puasa.

